

# PROJEK LESTARI PENDIDIKAN KOMUNITI LUAR BANDAR SK. BUAYAN, PENAMPANG

Oleh: Naimah Yusoff & Clementina Gregory



Pada 7-10 November 2010, Dr Mohd Zaki Ishak bersama seramai 12 orang mahasiswi Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial telah meredah sungai, belukar, dan hutan selama 10 jam berjalan kaki untuk sampai ke sebuah sekolah rendah di luar bandar di daerah Penampang. Staf sokongan yang turut serta dalam projek ini ialah En. Mohd Azrey Mat Derin. Projek Lestari Pendidikan Komuniti Luar Bandar Sk Buayan terdiri daripada Dr. Sabariah dan Cik Aishah Tambi Omar, manakala Dr Mohd Zaki selaku ketua penyelidik. Projek penyelidikan dan pembangunan komuniti ini adalah kesinambungan daripada penerokaan UPPLB pada bulan April 2008. Hasil temu bual dengan pihak sekolah serta pemerhatian pihak penyelidik, didapati terdapat masalah pembelajaran dalam kalangan murid dan masalah pengurusan dalam pentadbiran sekolah. SK. Buayan adalah antara sekolah yang mempunyai prestasi yang sangat rendah dalam pencapaian UPSR pada setiap tahun. Kemorosotan ini ada kaitan dengan masalah celik huruf dan masalah Bahasa Inggeris. Keadaan infrastruktur sekolah juga sangat daif. Projek ini telah dibantu oleh cikgu Evelyn Annol bekas pelajar program TESL, SPPS yang fasih berbahasa dusun turut membantu pembelajaran Bahasa Inggeris dan pembangunan komuniti yang terdiri daripada etnik Dusun. Oleh itu, UPPLB telah berkerjasama dengan PERMADIK, PPD Penampang dan ADUN daerah Penampang untuk menjayakan projek ini. Sehingga kini, sukarelawan telah berjaya membuat pengubahsuaian pusat sumber

sekolah manakala pihak penyelidik telah mengadakan dialog dengan komuniti setempat tentang perkembangan pendidikan murid SK Buayan. Pihak UMS, dan UPPLB khususnya mengucap setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Tan Sri Benard Gilok Dompok atas kesediaan membiayai projek ini yang akan dilaksanakan dalam tempoh satu tahun, sehingga November 2011.

